

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

## Henti kemas kini Windows 10

**B**AGAIMANAKAH cara untuk menghentikan pertanyaan kemas kini yang berulang kali dalam program Windows 10?

- Tok, Perak.

SATU keadaan yang tidak menyenangkan apabila sistem Windows 10 kerap kali secara automatik memuat turun dan memasang program kemas kini tanpa memaklum kepada tuan empunya komputer. Perkara yang lebih tidak baik lagi adalah sistem komputer akan sentiasa memulakan semula programnya atau *restart* berulang kali bagi menyelesaikan secara total proses pengemaskinian program Windows 10.

Jadi, bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini?

Dalam program Windows 10, pergi ke menu dan pilihan, *Settings* > *Update & Security* > *Windows Update* > *Advanced*.

Seterusnya pada pilihan *Choose how updates are installed*, secara lalai atau *default* akan ditetapkan nilainya pada *Automatic (recommended)*. Jadi, ubahkan tetapan nilai pilihan itu pada menu jatuh bawah kepada tetapan, *Notify to schedule restart*. Pastikan tetapan tersebut disimpan.

Setelah itu untuk pada masa akan datang, sekiranya proses kemas kini program Windows 10 selesai, sistem Windows akan membuat pertanyaan untuk menjadualkan proses memulakan semula program. Jadi, bolehlah dipilih masa yang sesuai dan lapang untuk proses memulakan semula program dilaksanakan.

Seterusnya, tidak akan berlaku sistem memulakan semula program secara tiba-tiba terutama ketika sedang melakukan sesuatu yang penting dengan komputer tersebut. Terdapat banyak kawalan yang boleh dilakukan dalam program *Windows Update* ini seperti menyemak kemas kini, tetapkan proses kemas kini secara manual atau nyah aktifkan fungsinya.

Perlu diingatkan bahawa terdapat Malware atau penggodam yang memanipulasikan fungsi atau proses kemas kini secara automatik yang terdapat dalam program *Windows Update*.